

10/08/2001

Lawatan Kuan Yew bincang beberapa isu hubungan dua hala

KUALA LUMPUR, Khamis - Lawatan rasmi tiga hari Lee Kuan Yew, ke Malaysia mulai 2 September depan adalah susulan lawatan Menteri Kanan Singapura itu ke negara ini selepas kali terakhir, Ogos tahun lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika mengesahkan lawatan itu berkata, rombongan kerajaan republik itu akan disertai empat menteri, seorang Setiausaha Parlimen selain beberapa pegawai tinggi kerajaan.

Ia dijangka membincangkan beberapa perkara berkait hubungan dua hala Malaysia dan Singapura.

Pada masa sama, beliau tidak menolak kemungkinan akan ada perbincangan peringkat pemimpin tertinggi memandangkan Lee akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada perkara-perkara yang mungkin kita dapat urus... selesaikan dalam beberapa hal yang masih lagi tertangguh.

"Perkara yang dibincangkan adalah seperti biasa membabitkan perkara terbuka. Dr Mahathir dan Lee akan mengadakan perbincangan empat mata," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran dan penyerahan ubat serta peralatan kepada rakyat Kosovo sumbangan rakyat Malaysia di Wisma Putra, petang ini.

Ketika berada di ibu negara pada Ogos lalu, Lee dan Dr Mahathir membincangkan satu pakej isu dua hala, termasuk bekalan air bagi republik itu selepas tahun 2061, apabila perjanjian yang ada kini, tamat.

Pakej lain yang dipersetujui Dr Mahathir dan rakan sejawatnya di Singapura, Goh Chok Tong, pada Disember 1998 pula, termasuk pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura dan pusat pemeriksaan kastam dan imigresen Malaysia di stesen kereta api di sana.

Dua lagi isu ialah penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan wang pencen pekerja Malaysia yang hanya boleh dikeluarkan selepas umur persaraan, walaupun mereka berhenti bekerja lebih awal di republik itu.

Mengenai penghantaran ubat dan peralatan perubatan ke Kosovo, Syed Hamid berkata, setakat ini RM4.3 juta dikumpulkan melalui Tabung Barisan Bertindak Kosovo anjuran The New Straits Times Press (NSTP), Berita Harian, TV3, Utusan Malaysia dan Majlis Belia Malaysia (MBM) sejak ia dilancarkan pada 1999.

Ketua delegasi bagi rombongan seramai 11 orang itu ke sana, akan diketuai oleh Dr Shamsul Anwar Sulaiman.

(END)